

## Dugaan di pagi Aidiladha [METROTV]

[Suraya Roslan](#)

[suraya@hmetro.com.my](mailto:suraya@hmetro.com.my)

### Dugaan di pagi Aidiladha



SAMBUTAN Aidiladha buat beberapa penduduk di Kampung Bangi Tambahan (Bangi Lama) agak suram selepas rumah mereka dinaiki air jam 5 pagi tadi.

Pemilik Tahfiz Muhammad Al-Fateh Mohd Zaidi Zainal Abidin berkata, dia menyedari kejadian itu selepas pintu tahfiznya diketuk penduduk kampung jam 5 pagi memberitahu kampung mereka dinaiki air.

"Saya kemudian mengejutkan isteri yang sarat mengandung bersama tiga anak untuk segera bangun menuju asrama lelaki.

"Mujurlah ketika kejadian 21 pelajar tahfiz saya sudah pulang bercuti untuk sambutan Aidiladha," katanya ketika dihubungi Harian Metro.

Mohd Zaidi berkata, penduduk di Jalan KB7 dan KB8 kampung berkenaan antara yang terjejas teruk selepas rumah masing-masing dinaiki air lumpur sehingga paras pinggang dan dada.



"Sambutan Aidiladha buat kami hari ini dengan bergotong royong membersihkan rumah saja.

"Setakat jam 12 tengah hari tadi air masih belum surut penduduk lain

### Trending



[Dua hari dikurung along di hotel bajet](#)



[Peniaga nasi dagang terkejut 'diserbu' peminat](#)



[Harimau menunggu di balik pagar](#)



['Dulu jumpa mayat terus ambil'](#)



['Nak viralkan saya tak apa, tapi jangan usik keluarga' - Niezam Zaidi](#)

Setakat jam 12 tengah malam tadi, air masih belum surut, penduduk kami masih berada di balai raya berdekatan manakala keluarga saya di asrama lelaki," katanya.

Katanya, kali terakhir berlaku banjir di kampung mereka pada 2016.

"Tidak tahu apa punca banjir kali ini, mungkin hujan terlampau lebat malam tadi," katanya.

Menceritakan kejadian itu, Mohd Zaidi berkata, dia tidak pulang ke kampung di Terengganu berikutan isterinya sedang sarat dan menunggu hari untuk melahirkan anak keempatnya.



ANTARA rumah penduduk yang terjejas akibat banjir kilat. FOTO Ihsan Mohd Zaidi Zainal Abidin

"Saya dikejutkan dengan ketukan pintu bertalu-talu oleh penduduk memberitahu tahfiz dinaiki air dan mereka meminta mengalihkan kenderaan.

"Saya bangun dan melihat kenderaan saya hampir tenggelam di bahagian tayar tetapi bertindak cepat mengalihkan ke tempat selamat," katanya.

"Ada hikmah setiap kejadian berlaku, bagaimanapun saya bersyukur ketika kejadian pelajar tahfiz saya tiada di sini," katanya.

Disiarkan pada: Julai 31, 2020 @ 2:08pm

#### Artikel Berkaitan



**MUTAKHIR**  
**'Tiada apa lagi nak dibuang'**





**MUTAKHIR**  
**'Kali ni sampai masuk rumah'**



**MUTAKHIR**  
**Limpahan air Sungai Perak: Penduduk 'penat' bersih rumah [METROTV]**



**MUTAKHIR**  
**3 PPS dibuka di Melaka [METROTV]**



## Run a Full Website Sc in Minutes

Try It Free

Mutakhir



**Sijil vaksinasi guna teknologi 'blockchain' tidak boleh dipalsukan**



**Tahan sakit kemaluan tersepit pada zip seluar**



**Jambatan gantung usang sudah dibaiki**



**4 peniaga ayam dikompaun, ditarik lesen perniagaan**



**Ekonomi Malaysia dijangka capai pertumbuhan KDNK 6.2 peratus**



**Kesal tindakan jemaah umrah palsukan sijil vaksinasi**